



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

20.8.2021

Siaran Media

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

KERJA-KERJA KECEMASAN: BATU BESAR ROSAKKAN SALURAN PAIP DI KAWASAN MUKA SAUK AIR MENTAH TITI KERAWANG.

- **2 saluran paip air mentah telah rosak di kawasan muka sauk air mentah (terletak di lereng bukit hutan) di Balik Pulau.**
- **Kejadian ini telah menjasakan bekalan air mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Pinang, yang sebahagian besarnya membekalkan air terawat kepada pengguna di kawasan Balik Pulau.**

PULAU PINANG, Jumaat, 20.8.2021: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah menggerakkan pasukan pembaikan saluran paip kecemasannya untuk membaiki 2 saluran paip air mentah yang pecah di muka sauk air Titi Kerawang, Balik Pulau bermula hari ini.

Batu-batu yang jatuh telah merosakkan saluran paip air mentah 150mm dan 225mm. (*Lihat gambar di Lampiran A.*)

Saluran air ini menyalurkan air dari muka sauk air mentah ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Pinang yang terletak kira-kira 500m ke hilir. Berikutan kejadian ini, kapasiti pengeluaran LRA Sungai Pinang telah terjejas.

LRA Sungai Pinang mengeluarkan purata 12.9 juta liter sehari (JLH) air terawat, yang sebahagian besarnya dibekalkan kepada pengguna air di kawasan Balik Pulau.

Pelan kontingensi diaktifkan

PBAPP telah mengaktifkan pelan kontingensi untuk mengepam air terawat tambahan dari rumah-rumah pam Teluk Kumbar dan Teluk Bahang bagi meminimumkan impak kejadian ini terhadap perkhidmatan bekalan air di Balik Pulau.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Pada masa yang sama, pasukan lori tangki air PBAPP bersiap sedia untuk menghantar air terawat kepada pengguna yang tinggal di kawasan tinggi atau di kawasan hujung saluran paip (EOL).

Sementara itu, pasukan pembaikan saluran paip kecemasan PBAPP telah dikerahkan ke lokasi hutan untuk melaksanakan penyelesaian paling rasional dengan pantas dalam menyambungkan semula saluran paip yang pecah.

Mulai hari ini, PBAPP memberi keutamaan kepada kerja-kerja pembaikan saluran paip ini untuk mengurangkan kesulitan kepada penduduk yang tinggal di Balik Pulau. Harap maklum bahawa kejadian ini disebabkan oleh jatuhan batu akibat cuaca buruk.

Kami akan membaiki saluran paip secepat mungkin dan memulihkan perkhidmatan bekalan air di Balik Pulau. Pengguna air yang memerlukan bantuan disaran untuk menghubungi **Pusat Panggilan 24 jam kami (tel. 04 255 8 255)**.

PBAPP akan memberi maklumat terkini mengenai kerja-kerja pembaikan paip air mentah kecemasan di muka sauk Titi Kerawang, Balik Pulau.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat

Tel : 04-200 6607

Email : syarifah@pba.com.my



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

LAMPIRAN A:

Saluran paip air mentah yang pecah di Kawasan Muka Sauk Air Mentah Titi Kerawang (19.8.2021)

